

## **1009- PEMBANGUNAN EKOSISTEM PROGRAM SEKURITI MAKANAN MELALUI KESATUAN INSTITUSI ZAKAT DAN WAKAF**

**MUSA MOHD SARIP**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
mmusa@kuis.edu.my

**MUHAMMAD YOSEF NITEH**

Pusat Pengajian Teras  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
myosef@kuis.edu.my

**MOHD ROFAIZAL BIN IBHRAIM**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
mohdrofaizal@kuis.edu.my

**HASLIZA BINTI TALIB**

Pusat Pengajian Teras  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
hasliza@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kenaikan harga makanan peringkat domestik akibat kesan daripada permintaan makanan yang tinggi dan produktiviti tanaman yang berkurangan dan perubahan iklim serta berlakunya bencana alam Malaysia mengimport makanan melebihi 90 peratus daripada negara-negara pengeluar makanan yang lain. Sekuriti makanan merupakan mekanisme penting bagi menjamin keberlangsungan, ketersediaan dan aksesibiliti makanan kepada rakyat sentiasa mencukupi. Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan sejauh mana kesatuan pembangunan ekosistem program sekuriti makanan melalui institusi zakat dan wakaf. Data sekunder yang terdiri daripada artikel jurnal, buku, prosiding dan dokumen kerajaan berkaitan sekuriti makanan, zakat dan wakaf dianalisis berdasarkan pengurusan rantaian bekalan makanan. Dapatan menunjukkan terdapat kesatuan model pengurusan rantaian sekuriti makanan berasaskan zakat dan wakaf, namun ianya masih perlu dikembangkan ke peringkat nasional.*

**Keywords:** *sekuriti makanan, zakat, wakaf*

### **PENDAHULUAN**

Kestabilan sumber makanan adalah aspek yang sangat penting dalam sesebuah negara. Kestabilan ini melibatkan pencapaian makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat serta aspek ketersediaan, aksesibiliti, penggunaan yang selamat, dan keboleh capaian makanan tersebut. Ini adalah faktor utama dalam menjamin sekuriti makanan negara. Di Malaysia, terdapat beberapa cabaran penting dalam mencapai kestabilan ini, termasuk ketidakstabilan sumber komoditi makanan, tahap sara diri yang rendah dalam pengeluaran makanan, peningkatan import makanan, perubahan dalam corak permintaan makanan, dan ancaman daripada fenomena semula jadi. Oleh itu, langkah-langkah proaktif perlu diambil

untuk mengatasi cabaran ini, seperti pelaburan dalam pertanian dan sektor makanan tempatan, pemantauan stok makanan dan bekalan, serta meningkatkan kesedaran mengenai pemakanan yang sihat dan pengurusan sumber makanan yang bijak.. (Mad Nasir, 2019; Mohamed et al., 2021; Omar et al., 2019)

Di Malaysia, sub-sektor pertanian utama termasuk tanaman, ternakan, dan perikanan. Secara keseluruhan, pengeluaran komoditi utama mengalami penurunan pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019. Dalam tempoh dua tahun tersebut, pengeluaran sayur-sayuran meningkat sebanyak 0.9%, sementara pengeluaran buah-buahan mengalami penurunan sebanyak 0.7%. Selain itu, hasil tangkapan ikan juga mengalami penurunan sebanyak 5.0%, iaitu dari 1455.4 ribu tan pada tahun 2019 kepada 1383.3 ribu tan pada tahun 2020. Dengan ini, kepentingan sektor pertanian dalam konteks sosioekonomi negara menjadi semakin penting (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2021, ukuran Kadar Sara Diri (Self-Sufficiency Ratio, SSR) negara menunjukkan tahap yang masih rendah untuk beberapa produk makanan penting. SSR bagi beras adalah sebanyak 65.0%, susu segar 56.7%, daging lembu 18.9%, daging kambing 10.7%, dan produk tenusu sebanyak 5%. SSR adalah satu parameter penting yang digunakan untuk mengukur keupayaan sebuah negara dalam memenuhi keperluan makanannya melalui pengeluaran domestik.

Sekali gus, statistik tersebut menggariskan kebimbangan yang serius dalam konteks keselamatan dan kestabilan makanan negara. Kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan, seperti daging lembu (81.6%), daging kambing (89.4%), dan susu segar (66.9%), memberi risiko terhadap bekalan makanan dalam negara. Sekuriti makanan adalah suatu isu yang semakin mendesak kerana negara bergantung kepada pasaran luar untuk bekalan makanan asas.


Dalam situasi ini, perlu kepada suatu usaha yang strategik dan produktif diperlukan untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik. Ini termasuk usaha dalam peningkatan produktiviti sektor pertanian dan penternakan, sokongan kepada petani tempatan, dan peningkatan dalam teknologi dan amalan pertanian. Tindakan ini penting untuk memastikan keselamatan makanan negara dan menjamin kualiti hidup masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam hal ini, peranan kementerian dan agensi berkaitan adalah penting dalam menyediakan bantuan teknikal dan latihan kepada petani serta mendorong penggunaan teknologi pertanian yang lebih canggih. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan dalam peningkatan produktiviti mesti diberi tumpuan untuk mengatasi isu pengurangan pengeluaran makanan ini.

Hal ini menimbulkan tekanan kepada pihak kerajaan untuk menjalankan usaha dalam mengukuhkan sekuriti makanan melalui kuasa ekonomi dan pentadbiran yang mereka miliki. Di Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah lebih terasa terhadap kesan kenaikan harga makanan ini. Perkara ini juga berlaku kepada golongan yang menetap di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang lebih tinggi. Situasi ini menjadi lebih serius disebabkan oleh keadaan kewangan yang terhad dan pendapatan yang rendah dalam kalangan isi rumah menjadikan golongan ini lebih terdedah kepada ketidakpastian sekuriti makanan.

## Rantaian Penawaran dan Permintaan Makanan

Pasaran makanan melalui sistem rantaian penawaran dan permintaan bahan makanan. Rantaian makanan merupakan siri proses yang kompleks yang melibatkan aliran makanan daripada pengeluar hingga kepada pengguna akhir. Peringkat utama dalam rantaian ini menjurus kepada pengeluaran makanan daripada pelbagai sektor seperti pertanian, ternakan, dan perikanan, diikuti oleh aktiviti pemprosesan dan pengeluaran bahan makanan. Selanjutnya, bahan makanan ini diedar dan diagihkan melalui pelbagai perantara seperti pemborong, peruncit, serta perkhidmatan makanan, sama ada untuk tujuan komersial atau bukan komersial. Akhirnya, rantaian makanan ini sampai ke pengguna akhir untuk digunakan bagi memenuhi keperluan pemakanan dan kehidupan seharian mereka. Rantaian makanan ini memainkan peranan penting dalam menyokong penyediaan makanan kepada masyarakat.



(Sumber: Pullman & Wu, 2012:2)

Ketersediaan makanan mampu dicapai melalui kerjasama yang erat antara pelbagai pihak termasuk petani, nelayan, pengilang dan peruncit sebelum sampai kepada pengguna. Hal ini juga dibincangkan oleh Nur Annizah Ishak dan Pazim@Fadzim Othman (2005); Marwan Haddad (2012). Pihak pemerintah bertanggungjawab untuk menyediakan bekalan makanan yang mencukupi, halal, dan selamat. Keperluan ini telah ditekankan dalam syariat Islam bagi melaksanakan perancangan dan pemantauan yang cermat terhadap bekalan makanan. Bagi memastikan sekuriti makanan terjamin, pemerintah sebuah negara bertanggungjawab dalam merekabentuk dasar dan polisi yang jelas untuk kemaslahatan rakyat. Komponen utama dalam sekuriti makanan termasuklah memastikan ketersediaan, aksesibiliti dan penggunaan makanan yang stabil pada setiap masa.

Menurut Adelman (t.t), pembangunan ekonomi merupakan satu konsep yang berbeza daripada pertumbuhan ekonomi. Secara spesifik pembangunan ekonomi melibatkan beberapa elemen penting termasuk pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mapan, perubahan dalam struktur pengeluaran, peningkatan dalam teknologi, pemodenan dalam aspek sosial, politik, dan institusi serta peningkatan dalam kesejahteraan sosial. Oleh itu, ahli ekonomi berpendapat bahawa penting untuk memberi penekanan kepada perkara seperti penghapusan kemiskinan dan pengagihan semula sumber dalam konteks pembangunan ekonomi. Ini kerana, walaupun suatu negara boleh mencapai pertumbuhan ekonomi dalam segi fizikal, tetapi jika sebilangan besar penduduknya masih hidup dalam kemiskinan, ia tidak mencerminkan pembangunan ekonomi sebenar (Todaro, M.P. & Smith, S.C., 2009).

### **Keterlibatan Institusi-institusi Zakat dan Wakaf Dalam Pembangunan Sekuriti Makanan**

Mekanisme ekonomi Islam telah terbukti membantu dalam menjamin sekuriti makanan rakyat. Hal ini disebabkan wujudnya hubungan yang berpusat mentauhidkan Allah di dalam kalangan masyarakat Islam. Instrumen-instrumen zakat dan wakaf telah berjaya dalam menurunkan kadar kemiskinan serta meningkatkan taraf kehidupan mereka. Ini menunjukkan bahawa ekonomi Islam yang diterajui oleh nilai-nilai keagamaan dan sosial dapat memainkan peranan penting bagi memastikan sekuriti makanan dan kesejahteraan rakyat (Mohammed Yusoff, 2010; Muniaty Aishah, 2014; Ihsana El Khuluqo, 2016).

Manfaat daripada penggunaan instrumen-instrumen zakat dan wakaf ini dapat dirasai oleh golongan yang memerlukan terutamanya golongan miskin bagi meningkatkan aksesibiliti mereka terhadap makanan. Ini memberikan kesan positif terhadap pengurangan ketidakseimbangan ekonomi dan secara tidak langsung mewujudkan prinsip perkongsian dan pengagihan semula kekayaan dalam kalangan masyarakat. Prinsip ini membantu dalam mengurangkan jurang sosioekonomi antara golongan kaya dan miskin serta memberikan manfaat kepada komuniti keseluruhannya.

Agihan zakat memainkan peranan utama dalam menjaga sekuriti makanan ke atas golongan fakir dan miskin. Statistik menunjukkan bahawa setiap tahun, jutaan ringgit dana zakat disalurkan di seluruh Malaysia untuk membantu golongan fakir miskin. Menurut Lembaga Zakat Selangor pada tahun 2021 sahaja, lebih daripada RM 271 juta zakat telah disalurkan kepada golongan yang memerlukan. Dengan bantuan kewangan ini, golongan miskin mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan keperluan asas yang diperlukan untuk memenuhi sekuriti makanan mereka. Tambahan pula, zakat juga digunakan untuk membiayai projek-projek pertanian dan program-program pendidikan yang memberi kesan positif kepada akses makanan golongan miskin. Dengan cara ini, zakat telah membantu meningkatkan sekuriti makanan dan kualiti hidup mereka.

Selain bantuan kewangan, zakat juga memberi impak positif kepada sekuriti makanan golongan miskin melalui program-program pembangunan ekonomi seperti bantuan pembangunan ladang dan pemodenan ladang-ladang pertanian. Dalam Laporan Tahunan 2021 Lembaga Zakat Selangor dinyatakan bahawa zakat digunakan untuk menyokong projek-projek ini bagi membantu golongan miskin untuk membangunkan pertanian yang produktif. Ini membuka peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan tambahan melalui

pertanian dan penternakan. Hasilnya, golongan miskin dapat meningkatkan ketersediaan makanan dalam komuniti dan seterusnya menjaga sekuriti makanan mereka.

Selain itu, sejarah juga mencatatkan bahawa harta yang diwakafkan telah memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara. Dengan kata lain, wakaf telah menjadi instrumen penting dalam pengagihan semula kekayaan dengan matlamat mencapai pembangunan ekonomi yang komprehensif. Ini kerana wakaf telah turut serta dalam menyediakan pelbagai kemudahan seperti institusi pendidikan, pusat kesihatan, tempat ibadat, dan infrastruktur asas yang kesemuanya memberi sumbangan penting dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat (Sadeq, Abul Hasan Muhammad, 2002).

Dalam kajian Mohamad et al. (2020) menyatakan bahawa tanah wakaf di Malaysia boleh diklasifikasikan dalam empat kategori utama untuk menggambarkan pelbagai perannya dalam pembangunan negara. Daripada data yang diberikan, didapati bahawa 60.09% tanah wakaf digunakan dalam sektor komersial, sementara 27.05% digunakan dalam sektor pendidikan. Selain itu, 8.46% daripada tanah wakaf digunakan dalam sektor sosial dan 4.39% digunakan dalam sektor kesihatan.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa tanah wakaf di Malaysia telah melangkaui perannya yang tradisional. Kini, tanah wakaf telah berkembang dan digunakan dalam pelbagai aspek yang lebih berorientasikan kepada keperluan semasa. Ini bukan sahaja membantu dalam membasmi kemiskinan tetapi juga meningkatkan kualiti hidup masyarakat secara keseluruhannya. Pemanfaatan harta wakaf yang bersifat berkekalan dan fleksibel dalam menyesuaikan fungsinya merupakan satu contoh penting bagaimana sumber ini mampu membantu merealisasikan sekuriti makanan.

Sebagai contoh pihak Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan yang merangkumi ekonomi, pendidikan, dan sosial. Dalam konteks pembangunan ekonomi, PWS telah melaksanakan pelbagai program seperti pembangunan tanah wakaf, projek komersial/perniagaan serta pembelian lot-lot hartanah atau perumahan. Program-program ini telah memberi dorongan positif kepada nilai hartanah wakaf dan secara tidak langsung meningkatkan sumber pendapatan PWS melalui hasil sewaan. Aktiviti ekonomi ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan keberkesanan dan produktiviti pembangunan hartanah wakaf (Muhammad Hazrin Sayuti & Zakaria Bahari, 2018). Namun penglibatan secara terus dalam aktiviti sekuriti makanan belum diberikan penumpuan yang maksima daripada harta wakaf ini.

### **Kesatuan Institusi Zakat dan Wakaf Dalam Ekosistem Rantian Sekuriti Makanan**

Model kesatuan harta zakat dan wakaf dalam meningkatkan sekuriti makanan melalui pengumpulan dana zakat yang wajib serta sumbangan wakaf. Zakat adalah sumbangan tahunan berdasarkan harta tertentu yang disalurkan kepada golongan fakir miskin. Manakala wakaf adalah sumbangan yang diberikan untuk tujuan tertentu seperti pendidikan dan bantuan makanan. Dana yang terkumpul disalurkan kepada golongan fakir miskin dalam bentuk bantuan makanan seperti beras, gula, minyak, dan produk makanan lain. Ini membantu golongan ini mempunyai akses terhadap makanan yang mencukupi. Bantuan ini membantu meningkatkan kualiti hidup golongan fakir miskin dengan memastikan keperluan

makanan asas mereka dipenuhi. Dengan melibatkan model ini dalam rantai sekuriti makanan, kesan positif terhadap sekuriti makanan dalam masyarakat dapat dicapai secara lestari dan meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat tentang tanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan. Institusi zakat dan wakaf yang berautoriti memainkan peranan penting dalam mengumpulkan dan mengagihkan dana zakat dan manfaat wakaf secara berkesan kepada golongan yang memerlukan dan masyarakat Islam (Al-Quran, Surah At-Tawbah, 9:60; Hasan, 2018; Haneef & Rashid, 2017; Nasir & Abdullah, 2015).

Kesatuan instrumen zakat dan wakaf ini dipercayai memainkan peranan penting dalam pembangunan sekuriti makanan. Menurut kajian oleh Siti Sarah et al. (2021) berjudul "The Role of Zakat and Waqf in Eradicating Food Poverty: A Conceptual Study" menyatakan bahawa instrumen zakat memberikan sumbangan langsung dalam membantu golongan miskin memenuhi keperluan asas makanan mereka. Ini dicapai melalui pemberian wang zakat kepada golongan yang memerlukan untuk pembelian makanan atau penyediaan bantuan makanan secara langsung. Di samping itu, wakaf hartanah boleh digunakan untuk membina infrastruktur pertanian seperti ladang pertanian, kilang pemprosesan makanan, atau pusat penyimpanan makanan. Hal ini juga dinyatakan dalam kajian oleh Ahmed et al. (2018) yang bertajuk "The Role of Waqf in Food Security: A Comparative Study" menegaskan bahawa wakaf hartanah ini membantu meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan ketersediaan makanan dalam jangka panjang.

Kajian lain dalam "Waqf, Zakah, and Food Security in Muslim Countries: An Empirical Investigation" oleh Muhammad and Abdullah (2018) menunjukkan bahawa apabila instrumen zakat dan wakaf digabungkan dengan strategi pembangunan yang bijak, ia boleh mencapai hasil yang signifikan dalam mengurangkan keburluran dan memperbaiki akses kepada makanan yang mencukupi.

Dengan mengadunkan instrumen zakat yang memberikan bantuan kewangan segera, manakala dengan wakaf yang membolehkan pembangunan jangka panjang infrastruktur makanan mampu mencipta pendekatan holistik dalam membantu mengatasi masalah sekuriti makanan dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, institusi-institusi zakat dan wakaf perlu bekerjasama untuk memaksimumkan impak positif ke arah peningkatan sekuriti makanan dalam komuniti. Kesatuan ini bukan hanya tertumpu dalam negeri masing-masing bahkan kerjasama melangkaui batasan negeri melalui konsep menang-menang secara *blue ocean strategy*.

Oleh itu, berdasarkan kajian Mohamed et al. (2021) telah mengemukakan empat garis tindakan dalam menangani krisis makanan yang merujuk kepada dasar yang digunakan oleh bank dunia iaitu mengawal dan menstabilkan harga pengguna, pengukuhan stok penimbal, mewujudkan jaringan keselamatan terhadap akses makanan dan instrumen yang merangsang tindak balas penawaran bekalan dalam pertanian. Maka disarankan instrumen zakat dan wakaf dimasukkan dalam plan tindakan ini seperti berikut:

a) Sumber Pembiayaan

Magda Ismail (2013) dalam kajiannya menunjukkan potensi wakaf tunai dalam membiayai bukan sahaja bidang keagamaan tetapi juga membiayai pelbagai barangan dan perkhidmatan

yang diperlukan di peringkat global, seperti pendidikan, kesihatan, penjagaan sosial dan pengaktifan komersial, infrastruktur asas. Wakaf tunai telah diperkenalkan yang menghasilkan satu resolusi daripada sarjana Islam kontemporari terhadap skim pengumpulan dana serta pelaburan. Oleh itu, wakaf boleh menjadi satu bentuk pembiayaan yang fleksibel dan berkebajikan bagi mengembangkan industri makanan. Bantuan daripada dana zakat juga boleh diberikan kepada “miskin kepada miskin” melalui mekanisme latihan, bantuan peralatan dan teknologi berkaitan sekuriti makanan.

#### b) Instrumen Perbelanjaan Kerajaan

Hartini et al. (2015) menjelaskan perbelanjaan persekutuan kerajaan melibatkan perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan di mana merangkumi termasuk pembangunan perkhidmatan ekonomi dan sosial seperti pertanian, kesihatan dan sebagainya.

Amalan wakaf itu boleh dikelompokkan kepada dana amanah saham tertentu mengikut komponen perbelanjaan kerajaan persekutuan iaitu subsidi, pertahanan dan keselamatan, pertanian dan pembangunan luar bandar, perdagangan dan perindustrian, pengangkutan, kemudahan awam, pendidikan, kesihatan dan perumahan, perkhidmatan sosial dan komuniti dan sebagainya. Perbezaan ini memberi ruang kepada pewakaf untuk memilih dana yang ingin dilaburkan. Oleh itu, perbelanjaan kerajaan di dalam sektor pertanian yang merupakan industri yang besar dalam bekalan makanan dapat dibantu melalui pembiayaan daripada projek wakaf dan juga zakat.

#### c) Sumber Pendapatan

Menurut Alani et al. (2016) pembiayaan mikro dapat mengurangkan pengangguran. Oleh itu, dana wakaf seperti wakaf tunai boleh dijadikan satu bentuk pembiayaan mikro bagi membantu projek kecil. Tiga mekanisme dicadangkan untuk membiayai projek kecil melalui dana wakaf iaitu menyimpan dana wakaf tetap, menubuhkan dana wakaf baharu serta membiayai usahawan kecil.

Oleh itu, pembangunan wakaf di dalam industri makanan juga boleh mengambil nafas ini dalam memberi peluang masyarakat sekitar meningkatkan sumber pendapatan sama ada sebagai pengusaha pertanian yang berdaya saing bagi menempuh pasaran yang lebih luas. Tambahan pula, petani perlu menjadikan pertanian bukan sekadar aktiviti sara hidup malah menjadikan pertanian ke arah perniagaan yang menguntungkan (Yaseen et al., 2018).

Farrukh et al. (2020) sektor pertanian memerlukan campur tangan dari pelbagai sektor yang berpotensi bagi meningkatkan sekuriti makanan. Hal ini perlu melihat kepada ketersediaan, akses dan kemampuan dengan menjadikan sektor pertanian sebagai sumber makanan, sumber pendapatan dan perbelanjaan serta menjadikan pertanian sebagai penyokong dasar harga bagi menjamin sekuriti makanan.

Menurut Mohamed et al. (2021) rangsangan pengeluaran pertanian perlu dilaksanakan terutamanya dalam melindungi pengeluar komoditi makanan miskin dengan memberi dana bagi meningkatkan kembali produktiviti tanaman mereka, membangunkan kembali tanah pertanian, meningkatkan kualiti makanan, mengurangkan spekulasi rantai bekalan makanan di antara pengeluar hingga pengguna akhir. Hal ini perlulah didokong kuat oleh

institusi zakat dan wakaf yang mana matlamat utama institusi ini adalah menjaga kebajikan sosioekonomi masyarakat Islam.

#### d) Kestabilan Sekuriti Makanan

Menurut kajian Farrukh et al. (2020), sektor pertanian memerlukan campur tangan dari pelbagai sektor yang berpotensi daripada institusi zakat dan wakaf bagi meningkatkan keupayaan sekuriti makanan. Ini melibatkan tiga aspek penting, iaitu ketersediaan, akses, dan kemampuan. Sektor pertanian perlu dianggap sebagai sumber makanan, sumber pendapatan serta perbelanjaan, selain daripada menjadi penyokong dasar harga untuk memastikan sekuriti makanan yang berkesan. Hal ini juga dapat menstabilkan rantai pengeluaran dan penggunaan makanan supaya tidak dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu (kartel) sehingga masyarakat Islam juga menerima kesan keburukannya. Kemampuan pelaksanaan kestabilan sekuriti makanan dijangka membawa banyak impak positif bukan sahaja kepada golongan fakir dan miskin, malahan kepada masyarakat umum yang berbeza agama dan bangsa.

Pembangunan industri makanan hasil daripada model agihan zakat dan manfaat wakaf wajar direncanakan meelalui pendekatan kesatuan dan ekosistem yang tersusun rapi. Hal ini kerana sumber wakaf mampu menyediakan sumber pembiayaan yang fleksibel melalui proses pengumpulan dana pelaburan yang cekap. Manakala agihan harta zakat yang menekankan kebajikan keperluan asas sosial yang mencukupi kepada golongan yang memerlukan seperti makanan asas. Tambahan pula, zakat dan wakaf memberikan insentif kepada kerajaan dengan menyokong perbelanjaan operasi dan pembangunan, serta mengurangkan hutang kerajaan melalui penggunaan dana wakaf yang berteraskan kesejahteraan. Selain itu, zakat dan wakaf juga membantu meningkatkan sumber pendapatan dengan menyokong usahawan melalui dana zakat dan wakaf, perkongsian keuntungan daripada pelaburan wakaf, dan mencipta peluang pekerjaan semasa dalam pasaran ekonomi yang berkembang. Akhirnya, zakat dan wakaf juga memberi sokongan dalam memastikan kestabilan sekuriti makanan melalui kerjasama dalam pelbagai strategi pembangunan industri makanan, meningkatkan pengeluaran makanan, dan memenuhi keperluan semasa melalui pendekatan zakat dan wakaf yang holistik

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesatuan ekosistem sekuriti makanan yang lestari memalui zakat dan wakaf dapat memberi sumbangan yang besar ke atas sekuriti makanan umat Islam. Perkara ini mampu direalisasikan melalui peranan institusi zakat dan wakaf dalam negeri dan negara keseluruhannya berasaskan nilai hamba dan khalifah Allah SWT bagi menjalankan tanggungjawab fardu kifayah kepada masyarakat. Pelaksanaan tanggungjawab institusi zakat dan wakaf menerusi perancangan dan pengurusan yang melibatkan dasar harta zakat dan wakaf yang jelas mengikut keperluan sekuriti makanan semasa. Dasar ini melibatkan kesatuan unsur ekonomi holistik untuk memastikan ketersediaan makanan, aksesibiliti dan penggunaan makanan berlaku secara berterusan kepada masyarakat Islam. Isu dan masalah monopoli dan kartel industri makanan dapat dikawal sekiranya pelaksanaan kesatuan institusi zakat dan wakaf dapat direalisasikan secepat mungkin.

## RUJUKAN



Adelman, I., (t.t) Fifty Years of Economic Development: What Have We Learned?

Alani, U. A., Algodah, M. T. S., & Alshwaiyat, M. S. (2016). Role of Waqf (Endowment) Funds in Financing Small Projects. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 8(2), 53– 66.

Farukh, M. U., Bashir, M. K., & Rola-Rubzen, F. (2020). Exploring the sustainable food security approach in relation to agricultural and multi-sectoral interventions: A review of cross-disciplinary perspectives. *Geoforum*, 108(November 2019), 23– 27. <https://doi.org/10.1016/j.geoforum.2019.11.012>.

Hartini, A., Azaimi, A., Aslam, M., & Hanafi, H. (2015). The Possible Role of Waqf in Ensuring A Sustainable Malaysian Federal Government Debt. *Procedia Economics and Finance*, 31(15), 333–345. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)01205-8](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)01205-8)

Ihsana El Khuluqo. (2016). The role of zakat in national economic development. *International Journal of Business, Economics and Law*, 9(5), 214-223.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Statistik Pertanian.

Pullman, M. & Wu, Z. (2012). *Food supply chain management: economic, social and environment*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.

Marwan Haddad. (2012). An Islamic perspective on food security management. *Water Policy*, 14, 121-135.

Omar, S. C., Shaharudin, A., & Tumin, S. A. (2019). Rice Policy and Regulations. In *The Status of the Paddy and Rice Industry in Malaysia*. Khazanah Research Institute.

Sadeq, AbulHasan Muhammad. (2002). “Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation”, *International Journal of Social Economics*, Vol. 29, No.1/ 2, hlm. 135-151.

Mad Nasir, S. (2019, November 15). Di mana sekuriti makanan negara? *Astro AWANI*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/di-mana-sekuriti-makanan-negara-222662>.

Magda Ismail, A. M. (2013). Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needs. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 304–321. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-08-2013-0094>.

Mohamed, M. I., Hakimi, M., & Shafiai, M. (2021). Peranan Pentadbiran Zakat , Infaq , Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(4), 37– 55

Muhammad Hazrin Sayuti & Zakaria Bahari (2018). (Jalinan Kerjasama Terhadap Pembangunan Ekonomi Wakaf: Kajian Kes Di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). The 13th ISDEV International Islamic Development Management Conference. Universiti Sains Malaysia, (USM), Pulau Pinang.

Mohamad, M. R., Yusof, Z. M., & Nordin, N. (2020). Perkembangan Kajian Tentang Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(1), 12–21

Mohamed, M. I., Hakimi, M., & Shafiai, M. (2021). Peranan Pentadbiran Zakat , Infaq , Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(4), 37– 55.

Mohammed Yusoff. (2010). An analysis of zakat expenditure and real output: Theory and evidence. *IJUM. Journal of Economics and Management*, 18(2), 139-60.

Munianty Aisyah. (2014). The role of zakah and binary economics an poverty reduction. *Jurnal Bisnis dan Manajemen*, 4(2), 178-197.

Nur Annizah Ishak dan Pazim @Fadzim Othman. (2005). Food security in Malaysia from Islamic perspective. *Jurnal Syariah*, 13(2), 1-15.

- Yaseen, A., Bryceson, K., & Mungai, A. N. (2018). Commercialization behaviour in production agriculture. 8(3), 579–602. <https://doi.org/10.1108/JADEE-07-2017-0072>
- Todaro, M.P., & Smith, S.C. (2009). *Economic Development* (10th ed.). Pearson.
- Siti Sarah et al. (2021). "The Role of Zakat and Waqf in Eradicating Food Poverty: A Conceptual Study." *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, Volume 443, 8th SHUSER 2020.
- Ahmed et al. (2018). "The Role of Waqf in Food Security: A Comparative Study." *Journal of Islamic Studies and Culture*, 6(2), 25-39.
- Muhammad and Abdullah (2018). "Waqf, Zakah, and Food Security in Muslim Countries: An Empirical Investigation." *Journal of Economic Cooperation and Development*, 39(3), 113-136.
- Hasan, Z. (2018). Zakat as a Social Safety Net: A Sociopolitical Perspective. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, 6(4), 63-76.
- Haneef, S., & Rashid, M. H. A. (2017). Role of Waqf Institutions in Food Security: An Analytical Study. *JKAU: Islamic Econ.*, 30(2), 53-76.
- Nasir, N. F. A., & Abdullah, A. (2015). The Role of Zakat in Enhancing Food Security in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5 S3), 120-124.